



## **NOTA PERCAKAPAN**

**YBHG. TAN SRI MOHAMAD ZABIDI ZAINAL  
KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM  
MALAYSIA**

## **SEMPENA**

**MAJLIS RAMAH MESRA KPPA BERSAMA  
PESERTA DPA INTIM**

**27 JULAI 2013 (SABTU), 5.00 PETANG**

**INTAN KAMPUS WILAYAH TIMUR, KEMAMAN**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,  
Salam Sejahtera, Salam Transformasi dan Salam  
“1Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian  
Diutamakan”.**

**Saudara/Saudari Pengacara Majlis,**

**Yang Berbahagia Dato' Dr. Sharifah Zarah binti  
Syed Ahmad**

**Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
(Pembangunan)**

**Yang Berbahagia Dato' Dr. Ismail Alias  
Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
(Operasi)**

**Yang Berbahagia Dato' Dr. Halim Man  
Pengarah INTAN**

**Tuan Haji Ab. Rahman bin Che Hamad**

**Pengarah INTAN Kampus Wilayah Timur**

**Saudara Wan Mohd Hasif Wan Muhamat Ali**

**Penghulu Kursus DPA Bil. 1/2013 INTIM**

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan Peserta Kursus DPA Bil. 2/2013 (Siri 44) yang saya kasihi sekalian.**

**Alhamdulillah segala puji dan syukur dipanjatkan ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia dan inayah-Nya jua maka dapat kita bersama-sama dalam Majlis Travelog Legion pada petang yang berbahagia ini.**

**2. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan tahniah kepada INTAN dan para peserta Kursus DPA INTIM yang menjayakan majlis ini dengan kerjasama yang tinggi, semangat**

**berpasukan dan komitmen padu yang diberikan oleh semua pihak yang terlibat.**

**3. Pertemuan kali ini merupakan satu kesempatan untuk saya menyampaikan amanat kepada anda semua, peserta-peserta Kursus DPA yang akan meneruskan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan awam, baik pada masa kini mahupun juga pada masa hadapan.**

**Saudara dan Saudari yang saya kasih sekalian,**

## **TRANSFORMASI**

- Pada hari ini, transformasi merupakan perkataan yang digunakan oleh para profesional dalam bidang pemasaran dan komunikasi sebagai “totally re-energizing an institution and the people who manage it.”**

- **Anda kenal Encyclopedia Britannica?**  
**Encyclopedia Britannica telah wujud di dunia selama 244 tahun. Ensiklopedia ini digunakan oleh semua penduduk dunia sebagai bahan rujukan utama, sebelum wujudnya internet dan Wikipedia. Sebelum ini kewujudannya berada dalam bentuk cetakan buku berkulit tebal seperti kamus dan berjilid-jilid banyaknya.**  
**Saya sendiri teringat pernah memiliki berpuluhan puluh jilid ini di rumah dan membuka helaian demi helaian, membaca dengan seronoknya. Namun pada 2012, Presiden Britannica, Jorge Cauz telah membuat pengumuman untuk menghentikan penjilidan bercetak ensiklopedia yang bersejarah ini.**
- **Walaupun dengan kepantasan dan kecanggihan teknologi pada hari ini, sukar untuk dibayangkan satu set buku yang telah diterbitkan hampir suku milenium akan**

**dihentikan. Namun apa yang berlaku dengan pejabat Britannica di Chicago pada hari pengumuman presidennya ialah mereka bergembira, mereka menerima dan menikmati khabar perubahan itu. Mereka membuat majlis makan-makan, malah menempah kek berbentuk jilid kamus Britannica dan memakannya. 244 belon ditempah dan dipamerkan, demi untuk mengingati setiap tahun kamus itu diterbitkan.**

- **Adakah mereka bersedih atau berdukacita atas perubahan ini? Ya, namun mereka tahu sudah sampai masanya mereka, syarikat dan pekerjanya berubah selaras dengan aliran dan kehendak semasa. Kamus yang tebal dan berat itu tidak lagi mampu untuk menampung semua maklumat yang ada di dunia kita. Kamus berjumlah 32 buah satu set ini berat, tinggi harganya dan sukar untuk dibawa ke mana-**

**mana.**

- **Maka, versi online diwujudkan. Sebuah laman web dihasilkan bagi menggantikan buku berkenaan. Anda mungkin ingat perubahan ini mencukupi, namun ada banyak lagi faktor yang perlu difikirkan. Untuk bersaing dengan Wikipedia yang menjadi sumber maklumat popular di kalangan pengguna Internet, Britannica menumpukan kepada quality over quantity, iaitu kualiti maklumat yang dipaparkan. Britannica mendapatkan khidmat rujukan pakar-pakar dalam bidang masing-masing bagi tujuan pengesahan dan penulisan sebarang maklumat, yang menjamin kesahihan dan kebenaran maklumat yang disampaikan. Tidak seperti Wikipedia yang maklumatnya boleh didapatkan dari mana-mana sahaja, dan dikemas kini oleh mana-mana pengguna.**

- **Selain itu, Britannica memastikan maklumat yang terkini akan dikemas kini dalam masa dua puluh minit sahaja! Dan yang terakhir, tidak harus dilupa, penjanaan kewangan hasil jualan set buku ensiklopedia bercetak kini ditukar dengan yuran keahlian tahunan di mana ahli dapat mendapatkan akses penuh ke laman web Britannica dengan harga yang jauh-jauh lebih murah berbanding harga set cetakan yang menjangkau ribuan ringgit.**
- **Di sini kita dapat lihat, proses perubahan atau transformasi itu perlu dalam kehidupan kita. One way or another, kita tidak dapat elakkan dari berubah. Dan cerita yang dikongsikan bersama ini merupakan salah satu contoh kisah transformasi yang positif.**

## **OBJEKTIF KURSUS DPA & HASRAT NEGARA**

- **Seperti semua sedia maklum, Kursus DPA ini bertujuan untuk membangunkan pemimpin sektor awam pada masa hadapan. Selaras dengan aspirasi "building tomorrow's leaders, today", kursus ini dilengkapi dengan pelbagai modul di dalam dan luar kampus bertujuan untuk melahirkan pegawai PTD yang berwibawa dan mampu menjana prestasi dan produktiviti yang tinggi melalui amalan budaya kerja cemerlang.**
- **Kursus DPA juga bermatlamat untuk membentuk pegawai PTD yang sentiasa peka kepada kehendak stakeholders dan pelanggan. Di samping itu, seorang PTD yang unggul seharusnya memiliki kukuh nilai-nilai kemanusiaan, berhemah tinggi, berbudaya dan**

**berdisiplin serta mengamalkan kerjasama berpasukan yang berkesan.**

- **Dalam masa enam bulan yang akan datang ini kekuatan fizikal, minda dan emosi Saudara dan Saudari akan teruji. Seorang PTD perlu mempunyai keazaman yang teguh, semangat yang kental, sentiasa positif, mampu mendepani segala perubahan, berfikiran kreatif dan inovatif serta berintegriti dan beretika. Justeru, Kursus DPA ini merupakan medan kepada anda semua untuk mengasah bakat dan meningkatkan kompetensi sebagai seorang pegawai PTD yang hebat dan berkebolehan tinggi.**
- **Nasihat saya ialah anda semua perlu menumpukan sepenuh perhatian dan komitmen semasa mengikuti Kursus DPA ini. Saya berharap sasaran Saudara dan Saudari**

**bukanlah hanya sekadar untuk lulus Kursus DPA ini tetapi berjaya dengan mencapai tahap kecemerlangan.**

## **PENGHARGAAN KEPADA INTAN**

- **Sesungguhnya saya berharap agar latihan dan proses pembelajaran sepanjang mengikuti Kursus DPA selama enam bulan ini diharungi dengan jayanya. Mengambil kesempatan pada petang yang bersejarah ini, saya ingin mengucapkan tahniah kepada INTAN khususnya UDPA dan pegawai-pegawaiannya yang berdedikasi, telah dan akan terus melatih, mendidik dan membentuk pegawai muda PTD melalui Kursus DPA.**
- **Harapan serta pesanan saya buat Saudara dan Saudari bakal pemimpin muda sekalian ialah teruskan kesinambungan usaha pemantapan**

**Perkhidmatan Awam kerana anda semua  
adalah penyambung sebuah warisan  
perkhidmatan yang gemilang.**

## **PENUTUP**

**Mengambil kesempatan untuk mengucapkan  
Selamat Menyambut Hari Raya Aidilfitri.**

**Sekian.      Wabillahi      Taufik      Walhidayah  
Wassalamualaikum    Warahmatullahi    Wabaratuh.  
Terima kasih.**